

TEKS UCAPAN

**YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

Sempena

Program Nilai-Nilai Murni Bersama YB Menteri Dan Pengurusan

Atasan Kementerian Kerja Raya

Tahun 2019

29 MEI 2019 (RABU)

7.00 MALAM

Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid

Kompleks Kerja Raya

Terima kasih Pengacara Majlis.

YB Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir

Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan

Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Abdul Razak bin Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Dr. Ong Gua Pak

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Haji Osman

Ketua Pengarah Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid

Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi, dan

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Salam Ramadhan dan Salam Sejahtera.

1. Bersyukur kepada Tuhan kerana kita diizinkan berhimpun di dewan ini untuk bersama-sama memeriahkan Majlis Berbuka Puasa Kementerian Kerja Raya dan Agensi bagi Tahun 2019.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan ke majlis tahunan yang dianjurkan oleh pihak Kementerian ini.
3. Saya difahamkan majlis hari ini dimeriahkan dengan kehadiran para jemputan yang terdiri daripada warga Kementerian dan Agensi termasuk ahli keluarga.
4. Terima kasih diucapkan kepada semua kerana sudi meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama-sama dengan saya dan barisan Pengurusan Atasan Kementerian dan Agensi pada hari ini.
5. Seperti yang semua sedia maklum, hari ini merupakan hari ke 24 tuan/puan menunaikan ibadah puasa, justeru saya mendoakan agar tuan/puan semua diberikan kesihatan dan kesejahteraan diri untuk menjalani ibadah berpuasa sehingga ke penghujungnya yang berbaki beberapa hari sahaja lagi.
6. Hadirin yang dihormati sekalian, tujuan utama majlis berbuka puasa ini diadakan adalah supaya ia menjadi satu medium untuk merapatkan tali persaudaraan dan mewujudkan semangat "kekeluargaan" di kalangan warga Kementerian dan Agensi.

7. Diharapkan agar majlis ini dapat mengeratkan silaturrahim di antara kita semua di dalam bulan yang diberkati ini.
8. Saya berharap bulan Ramadan ini akan membawa banyak keinsafan kepada anda semua. Semoga ibadat ini dapat melatih diri untuk menjadi individu yang lebih bertimbangrasa disamping melahirkan hati dan fikiran yang bersih dan positif.
9. Saya juga berharap, bulan Ramadan ini secara tidak langsung dapat mengajar para hadirin untuk sentiasa bersyukur. Sesungguhnya umat Islam di Negara ini amat beruntung kerana masih dapat menjalani ibadah puasa dalam keadaan yang aman dan tenteram berbanding dengan negara-negara lain yang sedang bergolak.
10. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada hari ini. Oleh itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan majlis pada petang ini dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus lumus menjayakan Majlis Berbuka Puasa Kementerian dan Agensi Tahun 2019.
11. Selamat menjalani ibadah berpuasa dan selamat berbuka.

Sekian, Terima Kasih.